

Bil.()dlm.MPKj 295/PLN/2017

**NOTIS PEMERIKSAAN BANGUNAN SECARA BERKALA
NOTIS SEKSYEN 85A (2),(3)
AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)**

Kepada :

Nama Bangunan : _____
Alamat Bangunan : _____

Tuan,

Adalah dimaklumkan kepada pihak tuan, selaras dengan peruntukan di bawah **Seksyen 85A (2),(3) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (A133)**, perlu melaksanakan pemeriksaan berkala oleh Jurutera Profesional bagi sesuatu bangunan yang melebihi 5 tingkat dan selepas tahun kesepuluh yang bermula dari tarikh perakuan siap dan pematuhan bangunan itu.

2. Oleh itu, pihak tuan dikehendaki melantik seorang Jurutera Profesional bagi menjalankan kerja-kerja pemeriksaan seperti yang telah ditetapkan di dalam peruntukan Akta tersebut dalam tempoh **30 hari** dari tarikh notis ini. Pihak tuan juga dikehendaki memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengenai proses lantikan dan laporan bagi kerja-kerja pemeriksaan tersebut dalam tempoh 3 bulan.

3. **SILA AMBIL PERHATIAN**, kegagalan pihak tuan mematuhi arahan notis ini, pihak tuan boleh dikenakan tindakan dibawah peruntukan Seksyen 121 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) - Kemungkinan mematuhi notis. Penalti am, boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau, jika sesuatu kerja dikehendaki dilakukan, denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit satu hari.

4. Untuk keterangan lanjut pihak tuan boleh berhubung dengan Jabatan Kawalan Bangunan, MPKj ditalian 03-87377899 samb.6109/6025 atau boleh datang terus ke kaunter jabatan ini. Manakala Garis Panduan pelaksanaan pemeriksaan bangunan berkala boleh disemak melalui laman web www.mpkj.gov.my. Segala kerjasama dan maklumbalas awal pihak tuan mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian, dimaklumkan.

Dengan Perintah,

**Yang DiPertua,
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**